

Badan Melayu azam semak dan tingkat program baru

Hab bersepadu di kawasan kejiranan, program ekspatriat dan nasihat hutang antara rancangan tahun ini

Oleh NUR DHUHA ESOOF
nurdhuha@sph.com.sg

BEBERAPA badan Melayu/Islam menyambut Tahun Baru semalam dengan azam mengadakan pelbagai rancangan dan inisiatif bagi meningkatkan pencapaian masyarakat ke tahap selanjutnya.

Mereka merancang menyemak dan memperbaiki program-program sedia ada serta memperkenalkan beberapa inisiatif baru demi mendekati dan membantu masyarakat dengan lebih

baik.

Presiden Jamiyah, Dr Mohd Hasbi Abu Bakar, berkata matlamat badan itu tahun ini ialah membantu lebih ramai orang menerusi perkhidmatan pendidikan, kebajikan, kaunseling, guaman, kesihatan dan lain-lain.

“Sejak kami mengambil alih kepimpinan Jamiyah pada September tahun lalu, kami telah memberi tumpuan pada usaha mengadakan Pelan Strategik 2013-2014 bagi Jamiyah.

“Kami akan memastikan pro-

gram-program Jamiyah akan sentiasa memenuhi keperluan masyarakat.

“Kami akan juga memberi tumpuan pada usaha meningkatkan lagi mutu khidmat Jamiyah dan mengukuhkan kedudukan kewangan Jamiyah,” kata Dr Hasbi.

Selain itu, tambah beliau, Jamiyah akan memperkenalkan satu inisiatif baru, Program Kesedaran dan Pendidikan Awam, yang bertujuan memberi nasihat dan panduan kepada masyarakat dalam bidang-bidang seperti kesihatan, perundangan, bimbingan anak-anak, penjagaan warga emas di rumah, dan memberi kesedaran mengenai akibat dadah.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Mendaki, Cik Moliah Hashim, pula berkata badan bantu diri itu akan mendekati masyarakat de-

ngan lebih giat menerusi pelancaran hab-hab bersepadu di kawasan kejiranan dalam suku pertama tahun ini.

Beliau juga berkata proses perundingan bagi menilai semula program-program dan pendekatan Mendaki, yang dimulakan tahun lalu, akan diteruskan tahun ini.

“Tahun lalu kami banyak mendapat maklum balas daripada orang ramai mengenai usaha-usaha yang kami jalankan serta keberkesannya.

“Kami akan menilai saranan-saranan itu dan memperhalusinya. Ini termasuk menilai semula program-program dan pendekatan kami,” kata Cik Moliah.

Angkatan Karyawan Islam (AMP) pula merancang melaksana dalam awal tahun ini sebahagian daripada strategi yang diperkenalkan-

nya sewaktu Konvensyen Kebangsaan Karyawan Islam Singapura yang diadakan pada Jun tahun lalu.

“AMP akan memulakan dua daripada 18 strategi yang kami lakar di konvensyen lalu awal tahun ini. Sebagai permulaan, kami akan melancarkan program Ekspatriat Islam (MEX) dan menubuhkan Pusat Sehati Penasihat Hutang,” ujar Pengarah Eksekutif AMP, Encik Anuar Yusop.

Beliau juga berharap sempena tahun baru ini, pemimpin badan-badan Melayu di Singapura dapat bekerjasama dengan lebih rapat demi kebaikan masyarakat.

Encik Anuar turut menggalak orang Melayu mengambil bahagian dalam segala inisiatif nasional, seperti Suara Musyawarah dan Perbinca-

ngan Singapura Kita, serta memanfaatkan inisiatif inisiatif itu sebaik mungkin.

Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Encik Izzudin Taherally, pula berkata pihaknya dalam proses menghasilkan program-program baru yang akan dilancarkan tahun ini sempena ulang tahun ke-65 badan itu.

Beliau juga berharap anggota masyarakat Melayu/Islam terus menunjukkan perpaduan dalam pelbagai aspek.

“Kalau ada sesuatu yang berlaku di dalam atau luar negara, kita harus bersatu tenaga dan pemikiran supaya kita dapat dilihat sebagai satu masyarakat contoh, bukan sahaja di Singapura bahkan arena antarabangsa,” kata Encik Izzudin.